

Belanja berjuta ringgit

# 'Malaysia akan tubuh 5 pusat dagangan'

KUALA LUMPUR, Ahad — Malaysia dijangka menubuhkan lima badan perdagangan antarabangsa menelan belanja berjuta ringgit menjelang awal tahun depan, kata Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Lew Sip Hon, hari ini.

Badan tersebut akan berfungsi seperti syarikat-syarikat perdagangan am atau 'sogoshosha' di Jepun.

Datuk Lew, yang bertindak sebagai penyelarasan skim penubuhannya menjelaskan, langkah tersebut bertujuan memudahkan usaha memasarkan berbagai hasil negara di peringkat antarabangsa.

"Kita mahu mendapatkan pasaran

baru di samping mengekalkan kedudukan kita di pasaran yang sedia ada," katanya.

Malaysia, tambahnya bukan sahaja ingin mendapatkan pasaran antarabangsa bagi barangan utamanya, tetapi juga barang-barang buatan kilang dan separuh kilang.

Rancangan penubuhan badan seumpama itu dilhamkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semasa beliau menjadi Menteri Perdagangan dan Perindustrian tahun lalu.

Datuk Lew menambah, beberapa agensi kerajaan dan firma swasta kini hampir selesai mengadakan perbincangan mengenai langkah menubuhkan lima badan perdagangan tersebut.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

"Terdapat kemungkinan satu atau dua badan ini akan dapat ditubuhkan sebelum penghujung tahun ini," tambahnya.

Antara agensi berkenaan, termasuk Perbadanan Perlombongan Malaysia (MMC), PETRONAS, PERNAS, FELDA, FIMA, Sime Darby, Multi-Purpose Holdings Berhad, Koperasi Belia Nasional (KOBENA) dan beberapa kumpulan sektor swasta di Sabah dan Sarawak.

"Sekarang kita sedang menentukan kumpulan bagi menempatkan agensi-agensi ini serta mengenal pasti kawasan operasinya.

"Ini bertujuan supaya badan-badan ini dapat saling bantu-membantu antara satu sama lain dan tidak mewujudkan persaingan," jelasnya.

Menurutnya lagi, sesebuah badan seumpama itu akan mempunyai jumlah modal yang dibayar antara \$20 juta hingga \$100 juta.